

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
2	LEBIH BANYAK USAHA PERLU DILAKUKAN TOLAK PERSEPSI TVET PENDIDIKAN KELAS KE 2	26 JANUARI 2023	BERNAMA ONLINE
3	TAMBAH NILAI PRODUK PELANCONGAN DI MERLIMAU PERSEDIAAN TAHUN MELAWAT MELAKA	29 JANUARI 2023	BERNAMA ONLINE
4	PENGAJIAN PERCUMA BUAT PELAJAR GENERASI PERTAMA KELUARGA MISKIN	30 JANUARI 2023	BERNAMA ONLINE
5	GRADUAN TVET AMAT DIPERLUKAN—KM	30 JANUARI 2023	MELAKA HARI INI
6	KPT SEDIA BANTU PENUNTUT TERJEJAS BANJIR	30 JANUARI 2023	MELAKA HARI INI
7	DUTA TVET SANTUNI TIGA DUN PROMOSI BIDANG VOKASIONAL	30 JANUARI 2023	MELAKA HARI INI
8-10	KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN PERIBADI PERLU DIWUJUDKAN DI IPT	31 JANUARI 2023	BERNAMA ONLINE
11	KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN PERIBADI PERLU DIWUJUDKAN DI IPT	31 JANUARI 2023	BERNAMA ONLINE

BERNAMA

26 JANUARI 2023

BERNAMA.COM | LEBIH BANYAK USAHA PERLU DILAKUKAN TOLAK PERSEPSI TVET PENDIDIKAN KELAS KE 2

Lebih banyak usaha perlu dilakukan tolak persepsi TVET pendidikan kelas kedua



Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Sulaiman Md Ali (kiri) menyaksikan sesi pemakaian kaki palsu yang dihasilkan pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) kepada penerima bantuan Siti Noradilah Tahir (duduk) selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Duta TVET UTeM di sini hari ini. Turut hadir Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Mohammad Yusof Apdal (dua, kanan) dan Naib Canselor UTeM Prof Dr Massila Kamalrudin (kanan).



26/01/2023 07:09 PM

MELAKA, 26 Jan (Bernama) – Lebih banyak usaha perlu dilakukan dalam menolak persepsi bahawa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan pilihan kedua atau pendidikan kelas kedua, khususnya dalam kalangan golongan muda.

Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Sulaiman Md Ali berkata antaranya ialah meningkatkan persepsi positif terhadap bidang atau pendidikan TVET, dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk ibu bapa, belia dan juga industri.

Beliau berkata selain itu, penggunaan media sosial juga perlu dimanfaatkan sebagai platform untuk mempromosikan TVET, seperti memaparkan kejayaan graduan dan alumni TVET, sekali gus menjadikannya sebagai kerjaya pilihan golongan muda.

“Di negara maju, bilangan pelajar aliran vokasional dan teknikal adalah banyak dan sebagai contoh, di Jerman, TVET dianggap salah satu sistem pendidikan utama, dengan sehingga 70 peratus pelajarnya memasuki aliran vokasional.

“Saya percaya negara kita juga tidak ketinggalan dan kita masih berada dalam landasan yang tepat, kerana kita mempunyai empat Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia termasuk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), yang menjadi nadi utama negara dalam melahirkan graduan TVET berkelas dunia,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Duta TVET UTeM, yang turut dihadiri Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Mohammad Yusof Apdal dan Naib Canselor UTeM Prof Dr Massila Kamalrudin.

Beliau berkata pihaknya akan meneruskan usaha dengan masyarakat untuk memperkasakan TVET, seperti yang dilaksanakan UTeM menerusi program Duta TVET, yang melaksanakan pelbagai projek teknikal berimpak tinggi yang memberi kesan positif kepada komuniti.

“Saya dimaklumkan program Duta TVET UTeM ini merupakan satu inisiatif perkongsian dan pemindahan teknologi, yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat dengan melaksanakan aktiviti kemasyarakatan berdasarkan bidang TVET IPT seperti kejuruteraan awam, elektrik, automotif dan lain-lain.

“Melalui program ini, saya percaya masyarakat dan komuniti akan lebih dekat dengan TVET, seterusnya membina satu persepsi yang positif terhadap pembangunan TVET di negara ini,” katanya.

Dalam pada itu, Massila berkata setakat ini program Duta TVET UTeM dilaksanakan di beberapa lokasi di Melaka antaranya Pantai Kundor, Tanjung Bidara dan Ayer Molek, melibatkan lapan fakulti dengan empat daripadanya memabitkan fakulti kejuruteraan.

Beliau berkata projek Duta TVET UTeM, dilaksanakan dalam kalangan kakitangan dan pelajar secara individu atau berkumpulan, dan ia merupakan sebahagian tanggungjawab sosial korporat (CSR) terhadap masyarakat.

“Antara projek dibangunkan ialah Sistem Akuaponiks Pintar dengan Internet Benda (IoT) di Tanjung Bidara, UTeM Digital Niaga di Ayer Molek dan Penyelenggaraan Komputer dan Rangkaian Keselamatan Siber dan Inovasi, di Pantai Kundor.

– BERNAMA

BERNAMA

29 JANUARI 2023

BERNAMA.COM | TAMBAH NILAI PRODUK PELANCONGAN DI MERLIMAU PERSEDIAAN TAHUN MELAWAT MELAKA

Tambah nilai produk pelancongan di Merlimau persediaan Tahun Melawat Melaka 2024



Pengunjung tertarik dengan hiasan lampu berwarna-warni dan pelbagai bentuk yang menghiasi Laman Orang Kampung di Merlimau malam tadi.



29/01/2023 11:19 AM

JASIN, 29 Jan (Bernama) – Kemudahan dan infrastruktur di kawasan Merlimau akan diperindah dan dinaik taraf dalam usaha menambah nilai produk pelancongan di negeri ini sebagai persediaan menjadi antara destinasi utama pelancongan sempena Tahun Melawat Melaka 2024.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau Dr Muhamad Akmal Saleh berkata usaha yang dilakukan itu secara tidak langsung dapat mempopularkan Merlimau sebagai pekan kecil di daerah Jasin yang menjadi laluan pintu masuk ke Melaka dari arah selatan.

"Antaranya projek Merlimau Bercahaya di Dataran Orang Kampung yang dinaik taraf dengan pemasangan lampu hiasan berwarna-warni dan keunikannya dilihat mampu menjadikannya tarikan baharu pelancong di kawasan gerbang selatan.

"Projek ini telah diusahakan menerusi pihak berkuasa tempatan dengan melibatkan tiga komponen pencahayaan di Dataran Orang Kampung, jalan masuk Merlimau dan bangunan lama bandar Merlimau," katanya kepada pemberita di sini malam tadi.

Terdahulu, beliau mengiringi Ketua Menteri Datuk Seri Sulaiman Md Ali menyempurnakan perasmian Merlimau Bercahaya dan Merlimau Berpeluh 5.0.

Mengulas lanjut, Muhamad Akmal yang juga Exco Kesihatan dan Anti Dadah negeri berkata satu gelanggang sukan melungsur papan selaju atau 'skateboard' yang pertama di negeri ini juga sedang dalam pembinaan.

Katanya, projek berhampiran Dataran Orang Kampung melibatkan peruntukan RM315,000 daripada kerajaan Persekutuan itu dijangka siap akhir bulan depan dan akan menjadikan kawasan berkenaan sebagai tempat riadah utama.

"Selain itu, kita juga sedang membangunkan aplikasi MyMerlimau bagi memudahkan pengunjung melihat dan memilih tempat pelancongan serta tempat makan menarik yang terdapat di situ.

"Dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Merlimau ini banyak tempat bersejarah dan menarik seperti Rumah Penghulu Natar, Makam Tun Teja, Perigi Portugis, kawasan pantai dan sebagainya selain kedai-kedai asam pedas Melaka yang boleh diketengahkan," katanya.

Muhamad Akmal berkata aktiviti pelancongan yang rancak di Merlimau itu dilihat dapat memberi limpahan rezeki kepada para peniaga sekali gus meningkatkan taraf ekonomi penduduk.

– BERNAMA

BERNAMA

30 JANUARI 2023

BERNAMA.COM | PENGAJIAN PERCUMA BUAT PELAJAR GENERASI PERTAMA KELUARGA MISKIN

Pengajian percuma buat pelajar generasi pertama keluarga miskin



Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menyampaikan amanat pada Majlis Amanat Tahun Baharu Kementerian Pendidikan Tinggi di kementerianya hari ini.



30/01/2023 03:44 PM

PUTRAJAYA, 30 Jan (Bernama) – Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan memperkenalkan program penajaan pengajian percuma kepada pelajar generasi pertama keluarga miskin yang berjaya memasuki universiti.

Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata mekanisme dan dasar tersebut akan dibawa kepada Jemaah Menteri untuk disokong dan dijadikan dasar yang berkelangsungan.

"Ia sebagai langkah menamatkan kemiskinan melalui ilmu dan kemahiran," katanya ketika berucap pada Majlis Amanat Tahun Baharu KPT di sini hari ini.

Mohamed Khaled berkata KPT juga akan memberi nafas dan sentuhan baharu terhadap Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan mengkaji kesesuaian untuk menjadikan PTPTN sebagai sebuah tabung amanah nasional.

"Kita mahu mengurangkan beban hutang PTPTN bagi memastikan kelestariannya serta menjadikan ia sebagai institusi pembiayaan pendidikan nasional yang membolehkan semua individu dari dalam dan luar negara untuk menyumbang kepada pendanaan pendidikan tinggi negara," katanya.

Beliau berkata KPT juga sedang meneroka ruang pendidikan yang anjal melalui penggabungan elemen bersemuka dan maya sebagai memanfaatkan platform digital serta teknologi kerana pendekatan sedemikian berupaya memberi impak pengurangan kos pengajian yang signifikan. Mohamed Khaled berkata pemilihan kepimpinan di institusi pengajian tinggi (IPT) dan agensi di bawah KPT akan melalui proses saringan ketat, teliti serta objektif bagi memastikan jawatan diisi tokoh atau calon paling layak dan berwibawa.

Beliau berkata saringan ketat itu bakal mencerminkan sikap profesional, adil, objektif dan tidak politikal KPT dalam menterjemah pelbagai dasar dan program nasional.

"Negara ini memerlukan sektor pendidikan tinggi yang berfungsi dengan efisien dan cemerlang. Perkara ini mesti dimulakan dengan kepimpinan berwibawa dan berprestasi," katanya.

Beliau turut menyeru warga IPT agar mendidik penuntut supaya berada di landasan tepat menepati piawaian akademik dan budaya intelektual.

Katanya, KPT ketika ini tidak lagi tertumpu kepada kemahiran insaniah dan amali semata-mata sebaliknya perlu dilengkapi dengan kepintaran mengurus manusia serta mengurus teknologi.

"Kematangan mengawal emosi, kemahiran pelbagai bahasa, kecekapan berunding, kemampuan memimpin perbincangan dan bekerja secara efektif dalam pasukan. Semuanya adalah *smart skills* (kemahiran pintar)," katanya.

Bagi memperkasakan sistem dan ekosistem program Pendidikan serta Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), beliau berkata rombakan besar-besaran akan dilakukan terhadap program berkenaan sebagai satu daripada usaha melahirkan pelajar berkemahiran dan cekap teknologi.

"Negara memerlukan ramai individu yang mempunyai kemahiran dan kecekapan teknologi bersifat 'kalis masa depan'," katanya.

-- BERNAMA

MELAKA HARI INI

30 JANUARI 2023

MHI|KPT SEDIA BANTU PENUNTOT TERJEJAS BANJIR

KPT sedia bantu penuntut terjejas banjir

DURIAN TUNGGAL - Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan menyalurkan bantuan kepada penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) yang dikenal pasti terkesan akibat bencana banjir.

Timbalan Menteri, Datuk Mohamad Yusof Apdal berkata, bantuan yang akan dihulurkan itu adalah berdasarkan kepada keperluan semasa penuntut terbabit, sekali gus meringankan beban mereka.

"Kita akan lihat semula perkara ini kerana kebiasaannya KPT mempunyai sukarelawan yang ditugaskan untuk membantu penuntut terjejas akibat bencana termasuk banjir.

"Saya percaya dan insya Allah kami akan lihat masalah ini. Kami akan tengok permasalahan mereka dan punca menyebabkan banjir. Jika perlu bantuan seperti penempatan atau sebagainya kami akan mudahkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Pelancaran Duta TVET Universiti



MOHAMAD Yusof pada sidang media selepas menghadiri Majlis Pelancaran Duta TVET Universiti Teknikal Melaka Malaysia (UTeM) di Dewan Canselor UTeM.

Teknikal Melaka Malaysia (UTeM) di Dewan Canselor UTeM dirasmikan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, di sini, 26 Januari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pantai Kundor, Tuminah Kadi, Naib Canselor UTeM, Prof. Ts. Dr. Massila Kamalrudin dan Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Datuk Seri Dr. Hasim Hasan.

Sementara itu Dr. Massila berkata sukarelawan

UTeM iaitu TUAH-VT diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga dan sedia untuk digerakkan ke lokasi terjejas bagi melaksanakan misi banjir.

"Kami ada 300 sukarelawan dan daripada jumlah itu 200 adalah kakitangan UTeM. Jika sudah mendapat pelepasan daripada pihak berkuasa berkenaan dan KPT sendiri kami sudah bersedia untuk membantu misi banjir di negeri terjejas," katanya.

MELAKA HARI INI

30 JANUARI 2023

MHI|GRADUAN TVET AMAT DIPERLUKAN—KM

4 MELAKA HARI INI 30 JANUARI - 5 FEBRUARI 2023

SEMASA

Graduan TVET amat diperlukan - KM

Faiz Hasan

DURIAN TUNGGAL - Bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bukan lagi pilihan kedua berikutan kemahiran dimiliki graduan dalam bidang itu amat diperlukan untuk menyokong kemajuan sektor industri di negara ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, TVET adalah bidang yang diberikan keutamaan oleh negara maju dan sebagai contoh di Jerman hampir 70 peratus rakyatnya memilih aliran vokasional.

Sulaiman berkata, trend sama juga dapat dilihat di negara yang maju dalam industri pembuatan kenderaan dan peralatan teknikal yang amat memerlukan graduan TVET bertandaskan aliran vokasional.

"Kemahiran dan pemikiran graduan TVET di negara ini jika tidak digilap atau diasuh, akhirnya mereka akan tercicir, sedangkan gra-



SULAIMAN menyempurnakan simbolik Majlis Pelancaran Duta TVET Universiti Teknikal Melaka Malaysia (UTeM) di Dewan Canselor UTeM, Durian Tunggal. Hadir sama, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mohamad Yusof Apdal; Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pantai Kundor, Tuminah Kadi; Naib Canselor UTeM, Prof. Ts. Dr. Massila Kamalrudin dan Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Datuk Seri Hasim Hasan. Foto Iqmal Haqim Rosman

duan terbabit memiliki bakat dalam bidang masing-masing.

"Kini Malaysia sudah mula menampakkan peluang pasaran terutama dalam bidang kemahiran tinggi melibatkan teknologi dan vokasional, sekali gus memudahkan pemain indus-

tri berkaitan mencari pekerja melibalkan tenaga kerja berkemahiran," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Duta TVET Universiti Teknikal Melaka Malaysia (UTeM) di Dewan Canselor UTeM, di sini, 26 Januari lalu.

Hadir sama, Timbalan

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mohamad Yusof Apdal, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pantai Kundor, Tuminah Kadi, Naib Canselor UTeM, Prof. Ts. Dr. Massila Kamalrudin dan Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Datuk Seri Dr. Hasim Hasan.

Terdahulu pada majlis itu, lapan kumpulan Duta UTeM dalam kalangan kakitangan akademik dan teknikal universiti itu menerima sijil watakah pelantikan untuk menjalankan program pendedahan kepada komuniti setempat membabitkan tiga Dewan Undangan Ne-

geri (Dun) iaitu Pantai Kundor, Tanjung Bidara dan Bukit Katil sebagai projek rintis di Negeri Melaka.

Tambah Sulaiman, program Duta TVET itu diyakini mampu mengubah persepsi masyarakat dalam penglibatan TVET ke arah lebih positif.

"Kini Malaysia sudah mula menampakkan peluang pasaran terutama dalam bidang kemahiran tinggi melibatkan teknologi dan vokasional, sekali gus memudahkan pemain industri berkaitan mencari pekerja melibalkan tenaga kerja berkemahiran,"

MELAKA HARI INI

30 JANUARI 2023

MHI|DUTA TVET SANTUNI TIGA DUN PROMOSI BIDANG VOKASIONAL

Duta TVET santuni tiga DUN promosi bidang vokasional

DURIAN TUNGGAL - Tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Melaka dipilih sebagai lokasi rintis bagi mempromosi dan mendekatkan masyarakat dengan bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Prof. Ts. Dr. Massila Kamalrudin berkata, lapan kumpulan dilantik sebagai Duta TVET UTeM akan menjalankan projek berkaitan bidang berkenaan di DUN terpilih iaitu Tanjung Bidara, Bukit Katil dan Pantai Kundor.

Katanya, Duta TVET UTeM merupakan program diinspirasi untuk mengilmukan masyarakat melalui aktiviti pemindahan ilmu selain mampu mengaplikasikan bidang itu kepada komuniti menerusi perkongsian pengetahuan yang dijalankan.

"Perkara ini mampu memasyarakatkan universiti melalui perkongsian ilmu dan kepakaran serta pemindahan teknologi dengan melaksanakan projek-projek teknikal berimpak.

"Berdasarkan lokaliti terlibat beberapa projek telah dikenal pasti untuk dilaksa-



MASSILA

nakan seperti Sistem Akuaponik Pintar dengan IoT di Tanjung Bidara, Penyelenggaraan Komputer dan Rangkaian Keselamatan Siber dan Inovasi di Pantai Kundor selain pendekatan kepada UTeM Digital Niaga yang dijalankan di Bukit Katil.

"Melalui pelaksanaan program ini ia dapat membantu komuniti mempraktikkan ilmu yang dipelajari bagi tujuan mensejahterakan dan melestarian keusahawanan sosial dalam kalangan masyarakat setempat terutama golongan B40," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan aluannya pada Majlis Pelancaran Duta TVET Universiti Teknikal Melaka Malaysia (UTeM) di

Dewan Canselor UTeM dirasmikan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, di sini, 26 Januari lalu.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mohamad Yusof Apdal, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pantai Kundor, Tuminah Kadi dan Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Datuk Seri Dr. Hasim Hasan.

Sementara itu, Dr. Massila ketika ditemui pemberita menjelaskan projek rintis yang dijalankan universiti itu akan diperluaskan dalam masaterdekat ini membabitkan beberapa lokasi luar dari Negeri Melaka.

Jelasnya antara lokasi sudah dikenal pasti adalah di Kota Tinggi dan Iskandar Puteri, Johor; Lahad Datu, Sabah dan di DUN Lendu.

"Program ini kita akan namakan sebagai TVET-Unity di mana ia di bawah program KPT yang masih di dalam perancangan. Kita akan bekerjasama dengan lebih meluas lagi selepas ini, jadi kita akan mengenal pasti projek terbaik untuk kita fokuskan bagi kawasan di luar Negeri Melaka," katanya.

BERNAMA

31 JANUARI 2023

BERNAMA.COM | KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN PERIBADI PERLU DIWUJUDKAN DI IPT

AM

Kursus pengurusan kewangan peribadi perlu diwujudkan di IPT



Prof Dr Mohamad Fazli Sabri



31/01/2023 04:26 PM

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Kursus pengurusan kewangan peribadi perlu diwujudkan dalam silibus pendidikan di institusi pengajian tinggi (IPT) negara ini sebagai persediaan buat golongan siswazah memasuki dunia pekerjaan.

Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Mohamad Fazli Sabri berkata kursus berkenaan seterusnya perlu diwajibkan kepada semua pelajar daripada seluruh program yang ditawarkan di mana-mana IPT.

Beliau berkata ia penting memandangkan alam pekerjaan akan menjadi satu fasa yang memerlukan golongan ini menguruskan pendapatan serta sumber kewangan mereka sebaiknya selaras peningkatan kos sara hidup ketika ini.

"Soal pengurusan pendapatan ini berkait rapat dengan aspek gaya hidup. Jadi tempoh di universiti ini merupakan platform terbaik dalam kita memberi didikan dan pendedahan awal berkaitan simpanan, pelaburan, kredit, pengurusan harta dan pengurusan risiko.

"Ia penting dalam memastikan anak-anak ini kelak tidak terjebak menanggung krisis kewangan pada usia muda seperti berhutang melebihi 30 hingga 40 peratus pendapatan bulanan selain membantu membezakan perihal keperluan utama dan sekunder," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Mohamad Fazli berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai dapatan kaji selidik Pusat Penyelidikan Undian UCSI yang dikeluarkan hari ini berkaitan golongan belia dan keadaan hutang semasa mereka.

Kaji selidik terhadap 1,077 responden dalam lingkungan usia 18 hingga 40 tahun itu menunjukkan 73 peratus atau 786 individu ada membuat pinjaman dengan majoriti daripadanya didorong daripada kesempitan wang (42%) selain alasan inflasi (22%) dan pengaruh rakan-rakan (21%).

Walau bagaimanapun, kaji selidik sama menunjukkan sebilangan besar peminjam iaitu 83% atau 652 individu berupaya membayar pinjaman yang dilakukan tepat pada masanya.

Sementara itu Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Perniagaan Universiti Teknologi Mara Dr Zahariah Sahudin bersetuju dengan cadangan Mohamad Fazli yang disifatkan boleh dimulakan seawal peringkat sekolah rendah lagi.

"Ada baiknya kita mulakan kesedaran mengenai pengurusan kewangan ini dari sekolah rendah, diteruskan di peringkat sekolah menengah sebelum diperkasa dengan pemantapan serta pemahaman lebih mendalam di peringkat universiti.

"Untuk permulaan adalah disyorkan pihak universiti menggiat malah memperbanyakkan lagi program advokasi dan kesedaran pengurusan kewangan kepada pelajar mereka," katanya.

-- BERNAMA

Namun, persoalannya, adakah statistik ini benar-benar menggambarkan keberhasilan pasaran buruh dalam kalangan graduan baharu?

Dari segi komposisi jantina, peratusan graduan wanita sentiasa melebihi graduan lelaki pada setiap tahun tetapi peratusan graduan wanita belum bekerja sebaik menamatkan pengajian lebih tinggi berbanding graduan lelaki.

Setiap tahun, sekurang-kurangnya satu pertiga graduan baharu terlebih layak untuk pekerjaan mereka. Malah, peratusannya lebih tinggi dalam kalangan wanita walaupun lebih ramai graduan wanita di institusi pengajian tinggi (IPT) mempunyai ijazah.

Bahkan, graduan wanita kebanyakannya mendapat tempat dalam pekerjaan kurang berkemahiran menyebabkan mereka terperangkap dengan gaji permulaan lebih rendah.

Dalam tempoh sedekad kebelakangan ini, lebih separuh graduan hanya memperoleh gaji permulaan di bawah RM1,500, menunjukkan kelembapan pertumbuhan gaji permulaan graduan.

Malah, gaji rendah ini turut berkait rapat dengan kurangnya penciptaan pekerjaan berkemahiran, sebaliknya lebih tertumpu kepada bidang separa mahir. Di samping itu, peratusan graduan bekerja tetap dan sepenuh masa juga semakin menurun, sebaliknya hampir separuh bekerja secara kontrak atau separuh masa.

Data kajian ini juga menunjukkan walaupun lebih kerap menukar pekerjaan mahupun mempunyai lebih daripada satu pekerjaan, pendapatan diterima graduan masih rendah di bawah RM2,000.

Analisis juga menunjukkan semakin ramai graduan memilih bekerja sendiri berbanding 'makan gaji'. Biarpun tidak disangkal bekerja sendiri terutama jika membabitkan bidang keusahawanan mampu menawarkan peluang pendapatan lumayan, kebanyakan graduan melihat ini hanya laluan sementara bagi mengelak daripada menjadi penganggur.

Malah, graduan berkecimpung dalam bidang usahawan ini juga sebenarnya masih berhasrat meneroka peluang pekerjaan 'makan gaji' lebih terjamin dengan pendapatan stabil.

Bidang TVET semakin mendapat perhatian

Namun begitu, bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) semakin mendapat perhatian graduan baharu dengan keberhasilan lebih memuaskan, namun gaji permulaan tetap kekal rendah.

TVET menjadi fokus kerajaan sebagai suatu bidang utama selari dengan perkembangan IR 4.0. Analisis mendapati keberhasilan dalam kalangan graduan baharu TVET adalah lebih baik.

Contohnya, terdapat peningkatan dalam kalangan mereka mendapatkan pekerjaan sepanjang satu dekad lalu, daripada 49 peratus pada 2010 kepada 66 peratus pada 2020.

Keberhasilan graduan TVET mempunyai ijazah juga dilihat lebih baik. Namun, isu gaji rendah masih mencengkam

graduan dengan 90 peratus graduan TVET masih memperoleh gaji di bawah RM2,000.

Disebabkan majoriti graduan TVET hanya mempunyai kelayakan diploma dan sijil kemahiran, peluang pekerjaan lebih terhad kepada pekerjaan separa mahir yang pastinya menawarkan gaji permulaan sangat rendah.

Walaupun tujuan menyuburkan pendidikan tinggi adalah untuk peningkatan isu mobiliti sosial, namun graduan daripada keluarga berpendapatan rendah menghadapi situasi lebih mencabar dalam pasaran buruh.

Satu daripada lima graduan menganggur berasal daripada kalangan keluarga berpendapatan rendah iaitu pendapatan isi rumah di bawah RM4,000. Malah, graduan kumpulan ini juga dilihat menerima gaji permulaan lebih rendah dan lebih terdedah kepada isu ketidakpadanan pekerjaan.

Disebabkan isu membelunggu graduan baharu ini, kebanyakan mereka dilihat tidak berpuas hati dengan pekerjaan dilakukan serta berhasrat mencari peluang pekerjaan lebih baik.

Kesimpulannya, di sebalik kadar kebolehpasaran tinggi seperti dilaporkan Kajian Pengesanan Graduan setiap tahun, isu keberhasilan graduan harus dilihat secara lebih menyeluruh dan tidak hanya tertumpu kepada kejayaan mendapatkan pekerjaan semata-mata.

Pelbagai inisiatif direncanakan kebanyakannya memberi tumpuan khusus melahirkan graduan serba berkebolehan dalam mengharungi cabaran dalam pasaran buruh. Namun, tumpuan khusus juga perlu diberikan terhadap pewujudan pekerjaan berkemahiran dengan gaji wajar kepada tenaga kerja.

Dalam hal ini, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) turut memberi penekanan kepada reformasi pasaran buruh sebagai pemangkin dalam mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2025.

Ia termasuk memastikan peningkatan gaji dan upah bulanan, mempertingkatkan komponen pendapatan ke atas Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melalui peningkatan sumbangan pampasan pekerja serta meningkatkan produktiviti pekerja.

Namun, isu pasaran buruh graduan ini memerlukan penelitian secara menyeluruh, daripada kedua-dua aspek permintaan dan pembekalan pasaran buruh.

BERITA HARIAN

31 JANUARI 2023

BERNAMA.COM | KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN PERIBADI PERLU DIWUJUDKAN DI IPT

Analisis data satu dekad Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) oleh Khazanah Research Institute (KRI) merungkai beberapa dapatan penting perlu diberi perhatian pihak berkepentingan jika mahu mengatasi cabaran graduan baharu dalam pasaran buruh.

Sejak 2012, jumlah keluaran tahunan graduan tempatan melebihi 200,000 orang dan separuh daripadanya berjaya mendapatkan pekerjaan dalam tempoh setahun menamatkan pengajian.

Isu gaji rendah hantui graduan buru peluang pekerjaan

Oleh Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim - Januari 10, 2023 @ 12:00pm
bhrencana@bh.com.my



- Gambar hiasan

Ketika negara berada pada fasa peralihan ke endemik, norma baharu dalam kehidupan hari ini akibat pandemik COVID-19 dan perubahan kepada Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dijangka mengubah sebahagian besar landskap pasaran buruh di Malaysia.

Dalam realiti pasaran buruh pasca pandemik, kesukaran graduan mendapatkan pekerjaan, gaji permulaan terlalu rendah dan terlebih kelayakan dalam pekerjaan bukan cabaran baharu tidak diketahui umum.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Tiga kemahiran pelengkap graduan pilihan majikan
- Tingkat pasaran kerja hadapi isu kos sara hidup, ketidaktentuan ekonomi
- Gaji permulaan jurutera dicadangkan RM2,800
- Jangan pinggir golongan M40

Selebihnya, 23 peratus belum mendapatkan pekerjaan, memilih menyambung pengajian (20 peratus), menyertai program peningkatan kemahiran (2.0 peratus) dan sebahagian kecilnya sedang menunggu penempatan pekerjaan (5.0 peratus).

Peratus graduan belum bekerja dalam tempoh setahun selepas menamatkan pengajian juga menunjukkan trend menurun, daripada 27 peratus pada 2010 kepada 14 peratus pada 2019.